

15 APR 1999

DAIM-PERBELANJAAN

RM10.6 BILION AKAN DIBELANJA BAGI FASA KEDUA PROGRAM PENGEMBANGAN FISKAL

KUALA LUMPUR, 15 April (Bernama) -- Kerajaan akan membelanjakan AS\$2.8 bilion (RM10.64 bilion) bagi pelbagai projek prasarana yang telah dikenal pasti sebagai sebahagian daripada fasa kedua program pengembangan fiskal negara, kata Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin, hari ini.

Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) menyatakan dalam satu kenyataan bahawa Daim, bagaimanapun, menyatakan kerajaan ketika ini belum bercadang untuk mengumumkan projek-projek itu kerana butiran terperinci masih lagi sedang diselesaikan.

Beliau bercakap pada perjumpaan selama sejam di sini bersama dengan wakil-wakil daripada 20 syarikat AS yang merupakan sebahagian daripada rombongan Majlis Perniagaan AS-Asean yang sedang dalam lawatan ke negara ini.

Daim berkata di bawah fasa pertama program pengembangan itu, projek-projek yang dikenal pasti termasuklah projek bekalan air yang meliputi Pahang dan Selangor, sebuah universiti di Sarawak dan sebuah stesen kuasa di Port Dickson.

Projek-projek lain termasuklah sebuah empangan di Kedah, jalan raya di Pulau Pinang dan kemudahan pendidikan di pelbagai bahagian di negara ini.

Daim mewakili Perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kini sedang berehat selepas dimasukkan ke Institut Jantung Negara (IJN) akibat jangkitan paru-paru.

Mengenai isu meningkatkan keyakinan di kalangan pelabur asing dalam kontrak yang perlu ditunaikan, Daim berkata ia adalah suatu yang sangat perlu bagi menarik lebih banyak syarikat asing melabur di Malaysia.

"Saya faham terdapat beberapa kelewatan dalam pembayaran yang perlu dibuat kepada syarikat asing. Saya tidak boleh bertolak ansur dengan kelewatan dalam bahagian-bahagian itu kerana saya sedar keuntungan boleh terhakis akibat daripada pembayaran lewat," katanya.

Beliau menambah, "sebagai menteri kewangan, saya cuba untuk menekankan kepada sektor awam terhadap keseriusan masalah itu dan saya beri jaminan dengan memberi sedikit masa lagi, kami akan memastikan sektor awam dapat membuat pengubahsuaian terbabit."

Mengenai status perjanjian cukai dua hala AS-Malaysia, Daim berkata perkara itu telah berlanjutan terlalu lama meskipun ia mampu membawa keuntungan kepada kedua-dua pihak iaitu kerajaan Malaysia dan ahli perniagaan AS.

Isu terakhir yang masih kekal adalah permohonan AS agar Malaysia mengubah undang-undang rahsia perbankannya di mana beliau berkata "bagi kami ia sukar untuk dipenuhi."

Bagaimanapun, Daim berkata beliau telah mengarahkan pegawai-pegawai Perbendaharaan untuk melihat kepada perkara itu termasuk mengkaji cara-cara di mana negara lain berjaya menyelesaikan masalah seumpama itu.

"Saya yakin isu itu akan berjaya diselesaikan. Saya akan melaksanakan tanggungjawab saya tetapi dalam masa yang sama, saya berharap anda juga memainkan peranan di bahagian anda," katanya kepada rombongan itu.

Mengenai persoalan berkaitan pendirian kerajaan terhadap peningkatan ekuiti asing dalam syarikat tempatan, Daim berkata perkara itu perlu ditangani dengan berhati-hati agar sebarang perubahan yang akan dilakukan tidak menjejaskan kepentingan semua pihak.

Beliau berkata kerajaan selalunya fleksibel dalam bahagian itu dan akan menimbangkan setiap permohonan berdasarkan kepada sama ada ia boleh

mewajarkan kepentingan majoriti dan memberi manfaat kepada negara secara keseluruhan.

Terdapat juga cadangan oleh rombongan AS supaya Malaysia menghantar wakil yang layak untuk mengadakan publisiti di AS bagi memberi maklumat sebenar bahawa Malaysia tidak berada dalam suasana huru hara. -- BERNAMA
AD ZK OS